

Terma & Syarat

AmBank Visa Debit Apple Pay RM30 Cashback

Tempoh Kempen: 1 September 2026 hingga 30 September 2026

PERINGATAN: Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini serta sebarang Terma dan Syarat terkini yang boleh didapati di www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. Sekiranya Peserta Layak tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini dan/atau Terma dan Syarat terkini, Peserta Layak digalakkan untuk mendapatkan penjelasan daripada wakil sah Bank.

1. Definisi

- i. Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut mempunyai maksud seperti yang diperuntukkan di bawah, melainkan konteksnya menyatakan sebaliknya:

Kumpulan AmBank	:	Merujuk kepada semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sama ada sedia ada atau pada masa hadapan, dan sebarang rujukan kepada "Kumpulan AmBank" termasuk mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.
Bank	:	Merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Pendaftaran: 19690100016 (8515-D)] atau AmBank Islamic Berhad [No. Pendaftaran: 199401009897 (295576-U)], kedua-duanya diperbadankan di Malaysia dengan alamat berdaftar di Level 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.
Kempen	:	Merujuk kepada " <i>AmBank Visa Debit Apple Pay RM30 Cashback</i> " yang dianjurkan oleh Bank selaras dengan Terma dan Syarat ini.
Tempoh Kempen	:	Kempen ini berkuat kuasa dari 1 September 2026 (00:00 GMT+8) hingga 30 September 2026 (23:59 GMT+8), termasuk kedua-dua tarikh. Bank berhak untuk meminda tempoh Kempen dengan Notis Awal.
Notis Awal	:	Merujuk kepada notis yang dikeluarkan oleh Bank sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar dan diterbitkan di laman web Bank di www.ambank.com.my .
Kad Debit	:	Merujuk kepada semua Kad Debit Visa yang sah dan aktif yang dikeluarkan oleh Bank.
Akaun Penyertaan	:	Merujuk kepada akaun CASA/CASA-I yang dipautkan kepada Kad Debit aktif dan berfungsi sebagai akaun kewangan utama untuk transaksi pembelian dan pengeluaran tunai.

2. Kelayakan

2.1 Kempen ini terbuka kepada pemegang Kad Debit Bank tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas;
 - b) telah memohon dan dikeluarkan dengan Kad Debit Visa dalam Tempoh Kempen; dan
 - c) telah mengaktifkan Kad Debit tersebut dan melengkapkan perbelanjaan minimum yang ditetapkan dalam Tempoh Kempen.
- Peserta yang memenuhi kriteria di atas akan dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”.

2.2 Tiada pendaftaran diperlukan bagi penyertaan dalam Kempen ini.

2.3 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, kakitangan Kumpulan AmBank, sama ada tetap atau kontrak, serta ahli keluarga terdekat mereka adalah layak untuk menyertai Kempen ini.

3. Hadiah

3.1 Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, Pelanggan Layak berpeluang memenangi hadiah seperti berikut sepanjang Tempoh Kempen:

Bulan Kempen	Tempoh	Kriteria Kelayakan	Bilangan Pemenang
1	1 Sep 2026 – 30 Sep 2026	<u>Terpakai untuk transaksi Apple Pay sahaja</u> Perbelanjaan minimum RM30 bagi setiap transaksi untuk tiga (3) Transaksi Layak dalam satu Bulan Kempen.	3,000

4. Mekanisme

- 4.1 Pelanggan Layak hendaklah mengaktifkan Kad Debit Visa dan melengkapkan tiga (3) Transaksi Layak bernilai minimum RM30 setiap satu melalui Apple Pay dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kad tersebut dipautkan ke Apple Wallet, dengan syarat transaksi dibuat dalam Tempoh Kempen.
- 4.2 Transaksi Layak boleh dilakukan melalui e-dagang, pembayaran dalam talian, atau mana-mana kaedah pembayaran lain yang disokong oleh Apple Pay, sama ada transaksi tersebut dilakukan secara dalam talian atau dalam aplikasi.
- 4.3 Pemenang pulangan tunai RM30 akan dipilih secara rawak daripada Pelanggan Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan bagi Bulan Kempen yang berkenaan. Bank berhak, mengikut budi bicara mutlak dan eksklusifnya, untuk menentukan pemenang.
- 4.4 Setiap Pelanggan Layak hanya layak menerima satu (1) Hadiah bagi setiap Bulan Kempen. Pelanggan Layak yang telah dipilih sebagai pemenang dalam sesuatu Bulan Kempen tidak layak untuk memenangi Hadiah sekali lagi dalam mana-mana Bulan Kempen berikutnya sepanjang Tempoh Kempen.

AmBank Visa Debit Apple Pay RM30 Cashback

- 4.5 Hadiah Promosi akan dipenuhi melalui pengkreditan pulangan tunai ke dalam akaun Kad utama Pemenang Kempen dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas tamat Tempoh Kempen. Pemenang yang terpilih akan dimaklumkan melalui SMS atau notifikasi tolak (push notification) AmOnline dalam tempoh satu (1) minggu selepas Hadiah dikreditkan.
- 4.6 Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Layak untuk memastikan bahawa maklumat perhubungan mereka yang didaftarkan dengan Bank, termasuk nombor telefon mudah alih, alamat e-mel dan alamat surat-menyurat, adalah tepat dan dikemas kini. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kegagalan dalam penyampaian notifikasi atau Hadiah yang berpunca daripada maklumat pelanggan yang tidak tepat atau tidak dikemas kini.
- 4.7 Bank berhak, dengan Notis Awal, untuk memilih Pelanggan Layak alternatif sebagai pemenang sekiranya pemenang yang dipilih pada asalnya tidak dapat dihubungi, tidak memberi kerjasama apabila dihubungi, enggan menerima Hadiah, mempunyai Akaun Penyertaan yang tidak aktif atau telah dinyahaktifkan, atau atas apa-apa sebab lain yang dianggap munasabah oleh Bank.

5. Transaksi Layak

- 5.1 Bagi tujuan Kempen ini, Transaksi Layak MERANGKUMI semua pembelian runcit dan pembelian dalam talian yang dilakukan secara tempatan dan antarabangsa melalui Apple Pay dalam Tempoh Kempen.
- 5.2 Untuk melayakkan diri, setiap Transaksi Layak hendaklah memenuhi kriteria berikut:
 - a) amaun transaksi minimum ialah Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) bagi setiap transaksi;
 - b) transaksi tersebut telah berjaya diposkan dan bukan dalam status tertunda atau diterbalikkan;
 - c) transaksi dilakukan dalam Bulan Kempen yang berkenaan; dan
 - d) transaksi dilakukan selepas Kad dipautkan (provisioned) ke Apple Wallet.
- 5.3 Transaksi berikut TIDAK layak dan tidak akan diklasifikasikan sebagai Transaksi Layak di bawah Kempen ini:
 - a) pengeluaran tunai, termasuk pengeluaran melalui mesin ATM dan pengeluaran di kaunter;
 - b) transaksi kuasi-tunai, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian cip permainan, tambah nilai, kiriman wang atau transaksi yang seumpamanya;
 - c) transaksi yang diterbalikkan, dipertikaikan, bersifat penipuan atau tidak dibenarkan;
 - d) fi dan caj yang dikenakan oleh Bank, termasuk fi perkhidmatan, fi tahunan, caj bayaran lewat atau fi penggantian kad;
 - e) pembayaran melalui auto-debit atau arahan tetap; dan
 - f) pembayaran yang dibuat menggunakan kad fizikal secara terus (iaitu transaksi bukan melalui Apple Pay).
- 5.4 Transaksi akan diiktiraf berdasarkan tarikh pemposan yang direkodkan dalam sistem Bank, yang mungkin berbeza daripada tarikh transaksi sebenar bergantung kepada garis masa pemprosesan oleh pihak peniaga. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan pemposan oleh peniaga.
- 5.5 Bank berhak, mengikut budi bicara mutlak dan eksklusifnya, untuk menentukan sama ada sesuatu transaksi memenuhi kriteria sebagai Transaksi Layak. Keputusan Bank mengenai pengelasan Transaksi Layak adalah muktamad dan mengikat.

6. Pembatalan Penyertaan

- 6.1 Pelanggan Layak tidak layak untuk menyertai dan/atau akan dibatalkan penyertaan serta-merta daripada Kempen ini sekiranya Pelanggan Layak:-
- a) melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
 - b) memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak secara penipuan dalam apa jua bentuk sepanjang Tempoh Kempen;
 - c) melakukan atau disyaki melakukan sebarang perbuatan penipuan, perbuatan menyalahi undang-undang atau salah laku berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - d) diisytiharkan bankrap atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau sepanjang Tempoh Kempen; dan/atau
 - e) melakukan atau ditentukan oleh Bank, mengikut budi bicara mutlakanya, sebagai telah atau berpotensi melakukan mana-mana perbuatan salah laku seperti yang dinyatakan di atas, dan Pelanggan Layak tersebut hendaklah dibatalkan penyertaan serta-merta daripada Kempen ini.

7. Terma dan Syarat Am

- 7.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan dengannya bersetuju dan memberi kebenaran untuk terikat sepenuhnya dengan Terma dan Syarat ini, yang hendaklah dibaca bersama Terma dan Syarat Am Akaun dan Perkhidmatan serta Terma dan Syarat Kad Debit Bank. Pelanggan Layak dikehendaki untuk melayari laman web rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> bagi mendapatkan sebarang kemas kini atau versi terkini Terma dan Syarat, jika ada..
- 7.2 Bank berhak pada bila-bila masa untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan Notis Awal.
- 7.3 Bank berhak untuk meminda, mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk meminda Tempoh Kempen, dengan Notis Awal.
- 7.4 Melainkan dinyatakan sebaliknya secara nyata, Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang pindaan daripadanya, akan mengatasi mana-mana peruntukan dan/atau representasi lain yang terkandung dalam sebarang notis, bahan promosi atau bahan pengiklanan lain berkaitan Kempen ini.
- 7.5 Tiada pampasan dalam bentuk tunai atau apa-apa jua bentuk akan diberikan kepada Pelanggan Layak bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami secara langsung atau tidak langsung akibat daripada sebarang pindaan, perubahan, pemadaman, penambahan atau pengubahsuaian Terma dan Syarat ini, melainkan kerugian tersebut adalah berpunca sepenuhnya daripada kecuaiian serius dan/atau keingkaran yang disengajakan oleh pihak Bank.

AmBank Visa Debit Apple Pay RM30 Cashback

- 7.6 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan Layak atas sebarang kerugian atau kos (termasuk kehilangan peluang perniagaan atau keuntungan) yang berpunca daripada keadaan luar biasa dan tidak dapat diramalkan yang berada di luar kawalan munasabah Bank serta tidak dapat dielakkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kemalangan, perbuatan keganasan, kerosakan mesin, kekacauan awam, kebakaran, pertikaian industri, kekacauan buruh, sekatan kerja, bencana alam, rusuhan, mogok, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), atau kegagalan sistem pemprosesan data, sistem elektrik, sistem telekomunikasi atau talian penghantaran.
- 7.7 Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan Pelanggan Layak untuk menyertai Kempen ini pada bila-bila masa yang disebabkan oleh sebarang kesilapan, gangguan atau kegagalan rangkaian, komunikasi atau sistem.
- 7.8 Versi Bahasa Malaysia bagi Terma dan Syarat ini juga boleh didapati di www.ambank.com.my/terms-and-conditions.
- 7.9 Bagi sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen ini, Pelanggan Layak boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank di 03-2178 8888 (Isnin hingga Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 malam) atau e-mel ke customercare@ambankgroup.com.

-Tamat-